Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Rabu, 11 Ogos 2021

**JABATAN PERDANA MENTERI**
**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

# KENYATAAN MEDIA
# BAGI PRESTASI INDEKS VOLUM PERKHIDMATAN, MALAYSIA
# SUKU TAHUN KEDUA 2021

---

## Indeks Volum Perkhidmatan meningkat 17.6 peratus pada suku tahun kedua 2021

**PUTRAJAYA, 11 Ogos 2021** – Jabatan Perangkaan Malaysia pada hari ini menerbitkan **Indeks Volum Perkhidmatan (2015=100), Suku Tahun Kedua 2021**. Penerbitan ini meliputi empat segmen iaitu segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan; segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan; segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan; dan segmen Perkhidmatan Lain.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Indeks Volum Perkhidmatan mengalami peningkatan sebanyak 17.6 peratus dengan merekodkan 116.7 mata pada suku tahun kedua 2021 berbanding 99.2 mata pada suku tahun yang sama tahun 2020 (Carta 1).”

Mengulas lanjut terhadap laporan tersebut, beliau berkata, “Peningkatan ini didorong oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan, 20.3 peratus dan segmen Perkhidmatan Lain, 17.7 peratus. Bagi perbandingan suku

tahunan, Indeks Volum Perkhidmatan menurun -5.4 peratus kepada 116.7 mata berbanding suku tahun sebelumnya (Carta 2).”

“Sementara itu, bagi perbandingan suku tahunan, indeks volum pelarasan musim bagi sektor ini menguncup -3.0 peratus kepada 120.0 mata. Segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan merupakan penyumbang utama kepada kejatuhan ini dengan merekodkan penurunan negatif sebanyak 5.1 peratus,” tambahnya lagi.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga liputan penuh dapat dicapai. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

**Carta 1: Indeks Volum Perkhidmatan dan Peratus Perubahan YoY, ST1 2018 – ST2 2021**



**Carta 2: Indeks Volum Perkhidmatan dan Peratus Perubahan QoQ, ST1 2018 – ST2 2021**




Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**11 OGOS 2021**

*Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, August 11, 2021*

***PRIME MINISTER'S DEPARTMENT***
***DEPARTMENT OF STATISTICES MALAYSIA***

# *MEDIA STATEMENT*
# *FOR PERFORMANCE OF VOLUME INDEX OF SERVICES, MALAYSIA*
# *SECOND QUARTER 2021*

---

## *Volume Index of Services increased 17.6 per cent in second quarter 2021*

***PUTRAJAYA, AUGUST 11, 2021*** *- The Department of Statistics, Malaysia today released* ***Volume Index of Services (2015=100), Second Quarter 2021****. This publication consists of four segments namely Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment; Business Services and Finance segment; Information & Communication and Transportation & Storage segment; and Other Services segment.*

*Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "Volume Index of Services experienced an increase of 17.6 per cent to record 116.7 points in the second quarter of 2021 as compared to 99.2 points in the same quarter of 2020 (Chart 1)."*

*Commenting further on the report, he said, "This increase was stimulated by Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment, 20.3 per cent and Other Services segment, 17.7 per cent. On a quarterly basis, Volume Index of Services*

*decreased by -5.4 per cent to 116.7 points as compared to the previous quarter (Chart 2)."*

*"Meanwhile, for quarterly comparison, the seasonally adjusted volume index of this sector dropped by -3.0 per cent to 120.0 points. The Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment was the major contributor to this fall with a recorded negative growth of 5.1 per cent," he added.*

*The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-Census) is being conducted nationwide until full coverage has been accomplished. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.*

**Chart 1: Volume Index of Services and Percentage Change YoY, Q1 2018 – Q2 2021**



**Chart 2: Volume Index of Services and Percentage Change QoQ, Q1 2018 – Q2 2021**




Released by:

***THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA***

***DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA***

***11 AUGUST 2021***